

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>9</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2017</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1438</b>

---

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24  
*Abdul Munir Ismail & Muhamad AR*
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32  
*Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi*
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48  
*Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari*
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59  
*Abdul Wahab Md. Ali*
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79  
*Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang*
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109  
*Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit*
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127  
*Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini*
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140  
*Selvarani P. Kovil Pillai*
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158  
*Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah*
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172  
*Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don*
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179  
*Badlihasham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad*

## Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam di Johor

Family Relationship Transformation Among Muallafs From Behavioral Aspect After Embrace Islam In Johor

NUR NAJWA HANANI ABD RAHMAN  
RAZALEIGH MUHAMAT @ KAWANGIT

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis transformasi hubungan kekeluargaan yang berlaku terhadap Saudara Kita di Johor selepas memeluk Islam dari sudut akhlak. Dalam konteks kajian ini yang dimaksudkan dengan hubungan kekeluargaan ialah hubungan yang terjalin antara ahli keluarga yang mempunyai ikatan pertalian darah atau ikatan perkahwinan yang institusi yang bermula dengan pasangan suami isteri dan berkembang meliputi anak-anak lelaki dan perempuan, ibu bapa dan datuk nenek serta adik, abang dan kakak serta saudara mara yang dekat. Hubungan kekeluargaan yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah merangkumi hubungan di antara Saudara Kita dan keluarga dari aspek akhlak. Hubungan kekeluargaan ini penting bagi memastikan Saudara Kita dapat menghadapi kehidupan yang lebih bahagia serta dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam dengan lebih sempurna walaupun berada dalam kelompok ahli keluarga yang sama-sama telah memeluk Islam atau yang bukan Islam. Kajian ini merupakan kajian tinjauan. Seramai 455 Saudara Kita di Johor telah dipilih sebagai responden kajian. Data dikumpul melalui soal selidik. Hasil kajian yang diperolehi mendapati terdapat transformasi yang berlaku dalam hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak terhadap Saudara Kita selepas memeluk Islam di Johor.

### ABSTRACT

This study aimed to analyze the transformation of blood relationship between Muallafs in Johor after Islam accepts from behavioral aspect. In the context of this study, family (blood) relationship is defined as a relationship between family members who have blood ties or matrimony bond which starts from a married couple with having children, parents, grandparents, siblings and close relatives. In this study, family (blood) relationship is defined as the relationship between

Muallafs and their family from behavioral aspect. This relationship is important to ensure Muallafs can live happier and practice as a Muslim more perfectly despite they live together with family members who also did embrace Islam and who didn't. A total of 455 Muallafs was recruited as respondents. The data were collected through questionnaire survey. Study finds reported that there was an occurrence of transformations in family relationship from the behavioral aspect among Muallafs after embraced Islam in Johor.

## PENGENALAN

Pembentukan arah tuju dan arah haluan kehidupan manusia sentiasa dipengaruhi dengan oleh akhlak yang dimiliki oleh seseorang. Maka kebahagiaan dan kegembiraan dalam hidup seseorang itu akan dapat di kecapi bagi individu yang meletakkan akhlak Islam sebagai asas membentuk matlamat hidupnya. Begitu juga dengan Saudara Kita selepas memeluk agama Islam, sekiranya mereka memilih nilai akhlak Islam maka kebahagiaan dan kegembiraan akan dapat dinikmati. Menurut Dato' Haji M. Tahrir Bin Dato' Haji Samsudin, Mufti Negeri Johor menyatakan Saudara Kita merupakan golongan yang mendapat tempat istimewa dalam Islam. Mereka adalah golongan yang telah dijinakkan hatinya untuk menerima hidayah Allah dan nikmat Islam dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu adalah amat penting untuk diberikan bimbingan dan ilmu pengetahuan berkenaan ajaran Islam agar cahaya hidayah yang diberikan oleh Allah s.w.t itu dapat sentiasa disinari dengan penghayatan dan pengalaman ajaran Islam yang mantap dalam kehidupan seharian (Modul Bimbingan Saudara Kita 2011:3). Melakukan transformasi diri ke arah kecemerlangan memerlukan individu itu mempunyai jiwa besar lagi kental. Pengalihan atau transformasi diri memerlukan kekuatan dan sokongan. Sebaik-baik usaha ialah bermujahadah melawan nafsu dan berusaha memperbaiki diri. Berbuat baik bukan sahaja menjaga hubungan sesama manusia, malah setiap amalan baik akan mempengaruhi doa dimohon. Dalam konteks rumah tangga, transformasi diri juga perlu sentiasa dipertingkatkan dengan menghormati sesama manusia termasuk diri sendiri, ibu, bapa, isteri atau suami, anak, saudara mara, sahabat serta jiran tetangga. Sentiasa berbuat baik, menjaga tutur kata (berbudi bahasa) dan berbuat sangka menurut kemampuan masing-masing. Keluarga yang saling mendorong antara satu sama lain, hormat menghormati dan mengisi kekurangan diri dengan nasihat menasihati, sudah tentu akan dapat melayari hidup lebih bermakna. (Mazlina Ismail, 2015. Berita Harian). Transformasi akhlak berlaku bagi setiap Saudara Kita yang telah memeluk Islam. Begitu

juga dengan ahli keluarga Saudara Kita sama ada yang memeluk Islam atau yang tidak memeluk Islam. Pelbagai transformasi akhlak yang dihadapi oleh Saudara Kita selepas memeluk Islam sama ada transformasi dari sudut akhlak terpuji mahupun akhlak tercela. Transformasi Hubungan kekeluargaan dari aspek akhlak ini penting bagi memastikan Saudara Kita dapat menghadapi kehidupan yang lebih bahagia serta dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam dengan lebih sempurna walaupun berada dalam kelompok ahli keluarga yang sama-sama telah memeluk Islam atau yang bukan Islam.

### PERNYATAAN MASALAH

Transformasi akan berlaku dari pelbagai sudut selepas saudara kita memeluk Islam. Transformasi ini dianggap penting untuk dibincangkan secara terbuka kerana ia menjadi dorongan serta sokongan kepada saudara kita selepas mereka memeluk Islam. Selain itu juga, transformasi saudara kita ini perlu dibincangkan kerana ia menjadi sebagai satu wadah atau tarikan bagi seseorang yang baru berjinak-jinak untuk mengenal Islam. Namun begitu, fenomena pada masa kini menunjukkan terdapat banyak cabaran serta permasalahan yang dihadapi oleh saudara kita selepas memeluk Islam sehingga menyebabkan tidak berlaku transformasi terhadap diri seseorang saudara kita atau masih kekal seperti sebelum mereka memeluk Islam. Menurut Anuar Puteh (2002:142) pelbagai masalah terpaksa didepani sama ada dari segi emosi, adat, budaya, kekeluargaan, ekonomi, kerjaya, birokrasi, perundangan dan sebagainya. Masalah-masalah ini mampu merebak dan mengesani saudara kita dengan lebih serius hingga ke peringkat kembali kepada agama asal (murtad) sekiranya ia tidak di tangani dengan segera. Kajian yang dijalankan oleh Aminudin Ruskam al-Dawamy (2002:111) mengenai perspektif masyarakat Cina berpelajaran terhadap agama Islam di Malaysia pula mendapati responden bersetuju masuk Islam bermakna menjadi Melayu, masuk Islam memutuskan hubungan keluarga, amalan poligami tidak memberi keadilan kepada wanita, masyarakat bukan Islam diberikan maklumat yang kurang tepat mengenai ajaran Islam. Menurut pandangan Salasiah Hanin Hamjah (2011:69) perubahan emosi dan tingkah laku yang dialami oleh seseorang yang memeluk Islam adalah penting untuk dibincangkan supaya dapat menjadi faktor sokongan kepada individu yang baru memeluk Islam ataupun menjadi elemen dakwah kepada seseorang yang mula berjinak dengan ajaran Islam.

Hubungan kekeluargaan merupakan salah satu cabaran serta masalah yang dihadapi oleh saudara kita selepas memeluk Islam. Terdapat sebahagian ahli keluarga yang dapat menerima ahli keluarga mereka yang memeluk Islam dan terdapat juga yang tidak dapat menerima. Menurut Nuraisyah (2006:56) keluarga akan mengambil masa yang agak lama untuk menerima ahli keluarga yang memeluk Islam. Sebaliknya, menurut Stone (2003:36) ibu bapa Cina tidak ambil kisah jika ahli keluarganya mengguna atau memakai simbol-simbol agama Kristian berbanding agama Islam. Menurut Nur A'thiroh Masyaa'il Tan (2007) di dalam blognya menyatakan pelbagai cabaran yang harus ditempuhi oleh saudara baru semasa dan selepas memeluk agama Islam. Di antaranya mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum memeluk Islam. Sikap pemuluan ke atas diri saudara kita, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusnya segala perhubungan sama ada daripada segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain, benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan. Kajian Stone (2003:39) mendapati, umumnya orang-orang Cina di Malaysia lebih kritikal terhadap agama Islam berbanding Kristian, contohnya apabila salah seorang ahli keluarga mereka memeluk Islam. Individu yang memeluk Islam tersebut sukar diterima oleh ahli keluarga sendiri.

Menurut Amran Kasimin (1985:89) dan Anuar Puteh (2008:35) secara umumnya masyarakat Cina menganggap menukar agama kepada Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Ia adalah satu bentuk pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan bangsa Cina kerana bagi mereka ia memutuskan ikatan kekeluargaan/keturunan. Saudara baru juga disingkir atau dihalau keluar oleh keluarganya dan terpaksa mencari tempat kediaman lain dan sering diugut oleh keluarganya dan dipukul serta diseksa terutamanya saudara kita di bawah umur dan juga yang perempuan (Amran Kasimin 1985:88). Walaupun ada yang terus tinggal bersama keluarga, namun mereka seolah-olah disisihkan dari segala aspek kehidupan keluarga dan komuniti mereka (Anuar Puteh 2008:35). Seseengah keluarga tidak dapat menerima ahli keluarganya memeluk Islam disebabkan kebanyakan adat, pemakanan, pemakaian serta sebagainya amat berbeza dengan tatacara dalam Islam. Menurut laporan yang diperolehi dari Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor juga menyatakan bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh Saudara Kita sebelum dan selepas memeluk ialah tentangan hebat dari keluarga, ugutan bunuh dipukul,

disembunyikan dan dikurung. Saudara Kita ini juga tidak dapat mewarisi harta serta dipisahkan dari anak-anak dan keluarga (Statistik Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor, 2014). Justeru itu, berdasarkan pernyataan masalah yang diperolehi mendapati banyak permasalahan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Saudara Kita di mana cabaran serta masalah-masalah yang dihadapi oleh Saudara Kita ini banyak melibatkan transformasi dari sudut akhlak sama ada akhlak Saudara Kita atau ahli keluarga sendiri.

### LATAR BELAKANG SAUDARA KITA DI JOHOR

Saudara kita mempunyai beberapa perkataan yang di sama ertikan antaranya muallaf dan saudara baru yang selalu digunakan oleh masyarakat di Malaysia. Menurut Marlon (2014) perbincangan mengenai pengertian perkataan muallaf dan panggilan lain yang biasa diguna pakai dalam masyarakat di Malaysia selain dari perkataan ini, ialah seperti 'Saudara Baru' 'Saudara Muslim' dan 'Saudara Kita'. Dari sudut bahasa di dalam Kamus Dewan menjelaskan perkataan muallaf sebagai orang-orang yang baru memeluk Islam atau Saudara Baru (Kamus Dewan 2002 :900). Dalam Lisan al-Arab perkataan muallaf berasal daripada allafa bererti menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu (Ibn Manzur 1997 : 180).

Muallaf merupakan kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd Karim 2005 : 10). Dalam konteks masyarakat di Malaysia, saudara kita yang terdiri daripada Cina, India atau masyarakat lain sering dirujuk dan diistilahkan sebagai 'saudara kita' oleh masyarakat Islam amnya dan khasnya masyarakat Melayu (Anuar Puteh 2002: 133). Saudara kita bermaksud orang-orang yang dipujuk atau dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam (Amran Kasimin 1985 :9).

Dalam konteks kajian ini yang dimaksudkan dengan Saudara Kita ialah orang-orang yang telah terbuka hatinya untuk memeluk Islam dan telah melafazkan dua kalimah Syahadah, menerima bantuan dan zakat serta telah didaftarkan permohonan Pengislamannya di Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam. Merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 berkaitan memeluk Agama Islam di

bahagian IX tidak menyatakan tempoh seseorang yang memeluk Islam itu secara berdaftar digelar sebagai saudara kita. Justeru, di negeri Johor mereka yang baru memeluk Islam dan yang telah lama memeluk Islam digelar sebagai Saudara Kita. Mereka yang ingin memeluk Islam hendaklah berdaftar di Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor. Unit Ukhuwah merupakan unit yang dikendalikan oleh Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Unit ini merupakan unit yang menguruskan proses pengislaman saudara kita, pendidikan, pengukuhan akidah, memberi khidmat nasihat, menjaga kebajikan dan memberikan pelbagai bantuan saudara kita. Berdasarkan data yang diperolehi dari Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Johor seramai 8068 saudara kita telah memeluk Islam dari tahun 2004 hingga September 2013. Data bagi tahun 2014 hingga 2016 belum diperolehi kerana data tersebut masih dalam proses untuk dikemaskini.

Jadual 2.1 Statistik Pengislaman Saudara Kita di Negeri Johor Tahun 2004-2013

Daerah/Tahun	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	Jumlah
Johor Bahru	395	484	491	568	534	589	603	432	669	637	5402
Muar	34	34	20	37	32	37	31	24	26	14	289
Batu Pahat	56	65	27	51	39	52	70	43	44	45	492
Kluang	67	41	71	44	66	45	72	46	61	46	559
Segamat	24	19	25	29	29	27	32	8	33	31	257
Pontian	20	28	24	23	19	25	20	29	19	25	232
Kota Tinggi	52	41	57	48	44	54	68	35	50	34	483
Mersing	8	9	17	17	10	17	18	5	18	15	134
Kulaijaya	0	0	0	0	0	1	35	33	59	68	196
Ledang	0	0	0	0	0	0	8	4	5	7	24
Jumlah	656	721	732	817	773	847	957	659	984	922	8068

Sumber: Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor (2016)

Selain itu juga, berdasarkan maklumat yang diterima dari Unit Ukhuwah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor antara faktor-faktor yang menyebabkan saudara kita di Johor ini memeluk Islam ialah disebabkan perkahwinan, kerelaan sendiri, pengaruh rakan-rakan, memiliki keluarga angkat Islam serta pengaruh media elektronik dan percetakan. Saudara Kita di Johor ini juga menghadapi beberapa cabaran selepas mereka memeluk Islam. Antaranya, tentangan dari keluarga (ugutan bunuh, pukul, disembunyikan dan dikurung oleh keluarga asal. Selain itu juga, cabaran yang dihadapi oleh Saudara Kita ini ialah dipisahkan dengan anak-anak atau pasangan serta tidak dapat mewarisi harta. Mendapatkan pekerjaan yang

sesuai serta dibuang kerja oleh majikan juga menjadi cabaran bagi mereka yang baru memeluk Islam. Terdapat juga Saudara Kita yang dipulaukan oleh rakan-rakan serta saudara seagama yang lama. Ada juga yang merasa rendah diri dengan masyarakat setempat khususnya dengan bangsa Melayu beragama Islam (Statistik Saudara Kita Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor. 2014).

## DEFINISI TRANSFORMASI

Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat (2002) transformasi membawa definisi yang sama iaitu perubahan rupa, bentuk dan lain-lain. Transformasi juga membawa maksud pergerakan, perpindahan atau peralihan daripada satu keadaan kepada keadaan yang lain.

Menurut Luthfi Shariffuddin (2007) sesuatu perubahan itu mempunyai definisi yang luas serta berbeza. Ianya bergantung kepada corak perubahan yang dipilih dan matlamat sesuatu perubahan itu. Selain itu transformasi adalah sebuah proses perubahan secara beransur-ansur sehingga sampai pada tahap ultimate, perubahan yang dilakukan dengan cara memberi tindak balas terhadap pengaruh unsur eksternal dan internal yang akan mengarahkan perubahan dari bentuk yang sudah dikenal sebelumnya melalui proses menggandakan secara berulang-ulang atau melipatgandakan.

Definisi perubahan menurut Atkinson (1987) merupakan kegiatan atau proses yang membuat sesuatu atau seseorang berbeza dengan keadaan sebelumnya. Manakala menurut Brooten (1978) perubahan merupakan proses yang menyebabkan perubahan pola individu atau institusi. Tanpa disedari, transformasi atau perubahan itu sendiri terjadi pada diri kita seperti usia dan keadaan tubuh kita. Seiring dengan perjalanan waktu, usia juga akan bertambah mengakibatkan keadaan fizikal seseorang berubah. Kita tidak berupaya menghentikan perubahan tersebut, tetapi apa yang kita dapat lakukan adalah bagaimana mengendalikan dan mempersiapkan diri sebelum sesuatu transformasi atau perubahan itu terjadi. Dengan melaksanakan transformasi diri kita secara tidak langsung dapat meningkatkan standard diri ke tahap yang lebih tinggi. Perkataan transformasi ini adalah sinonim dengan perkataan perubahan.



## PROSES TRANSFORMASI

Menurut pandangan Luthfi Shariffuddin (2007) seseorang itu akan melalui beberapa fasa perubahan dalam hidup baik dari segi rohani dan fizikal. Perubahan rohani dan fizikal seseorang itu amat berkait rapat ataupun terjadi melalui 2 faktor utama iaitu:

- Kesan pengalaman yang dilalui
- Kesan pengaruh orang lain (sama ada secara paksaan atau tertawan)

Kedua-dua faktor ini memberi kesan terhadap minda untuk mengaktifkan tahap kesedaran seseorang itu. Seseorang itu akan menggunakan kuasa memilih untuk membentuk corak perubahan yang dikehendaki. Sebelum itu, seseorang itu pasti melalui beberapa fasa iaitu perubahan dalaman (rohani) dan luaran (fizikal). Fasa perubahan dalaman (rohani) ialah:

**Perubahan minda** - iaitu pemikiran akan di hala ke arah matlamat dan akan 'tergambar'. Kita boleh "merekam corak matlamat perubahan yang dikehendaki".

**Perubahan hati** – iaitu keyakinan dan kepercayaan yang terbentuk dari gambaran dalam minda akan terbentuk. Di peringkat ini, seseorang itu telah menetapkan pendirian ke arah matlamat perubahan yang dicipta.

Perubahan kesedaran – iaitu seseorang itu telah 'terjaga' dari kesilapan dan kesalahan masa lalu. Di peringkat ini seseorang itu telah 'tahu' dan 'faham' akan apa yang dihayati dan daya tumpuan (fokus) akan dijana sepenuhnya oleh minda.

Seterusnya, setelah mengalami perubahan atau transformasi dalaman, seseorang itu pasti akan melakukan perubahan fizikal atau menzahirkan perubahan yang dikehendaki yakni bertindak. Fasa perubahan luaran (fizikal) ialah:-

**Menulis apa yang digambarkan** - iaitu azam untuk berubah. Tulis perancangan jalan anda ingin tuju.

**Bertindak ke atas apa yang dirancang** - iaitu melakukan perubahan-perubahan yang ditulis berserta perbuatan dan tingkah laku. Pada peringkat ini, mereka yang telah anda khabarkan berita tentang perubahan ini, pasti, atau secara automatiknya akan memberi galakkan.

**Hasil** - iaitu anda akan dapat mengubah diri anda kepada apa yang anda inginkan. Pada peringkat ini anda akan mengalami satu pengalaman rasa di mana hanya anda yang mengetahuinya (Luthfi Shariffuddin 2007).

Justeru itu, dalam konteks kajian ini yang dimaksudkan dengan transformasi ialah perubahan yang berlaku terhadap diri seseorang Saudara Kita selepas mereka memeluk Islam sama ada perubahan kecil atau besar yang berlaku terhadap diri mereka.

## HUBUNGAN KEKELUARGAAN

Keluarga merupakan elemen yang penting bagi diri seseorang saudara kita selepas mereka memeluk Islam. Keluargalah orang yang paling hampir dengan kita dari sejak mula kita dilahirkan sehingga dewasa. Ibu bapa orang yang bertanggungjawab dalam membesarkan serta memberi kasih sayang kepada kita. Keluarga merupakan sebuah institusi yang bermula dengan pasangan suami isteri dan berkembang meliputi anak-anak lelaki dan perempuan, ibu bapa dan datuk nenek serta adik, abang dan kakak serta saudara mara yang dekat dan jauh. Keluarga merupakan lingkungan masyarakat paling kecil yang akan menentukan bentuk kehidupan umat manusia (Norazman Amat & Salasiah Hanin Hamjah 2010:1). Keluarga menurut takrif antropologi adalah satu unit (kumpulan) yang terdiri daripada ahli-ahli yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Freud (1953) pula merujuk keluarga sebagai kombinasi ibu dan bapa yang tinggal serumah atau pun lebih anak (Fontana, 1981). Menurut Gpeda (1988), keluarga adalah satu unit sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak.

Asas pembinaan sesebuah keluarga bermula dari perkahwinan adalah untuk keluhuran dan ketenteraman hidup (al-sakinah) sekaligus sebagai pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni. Keharmonian masyarakat umumnya bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berasaskan kepada hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain. Dengan erti kata lain masyarakat yang harmoni mestilah terbina dari institusi keluarga yang bahagia dan harmoni. Oleh yang demikian, adalah penting teori kebahagiaan keluarga difahami dan diaplikasi secara menyeluruh agar keluarga yang dibina mencapai keredaan dan keberkatan di dunia dan akhirat (Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari 2011:26).

Dalam konteks kajian ini yang dimaksudkan dengan hubungan kekeluargaan ialah hubungan yang terjalin antara ahli keluarga yang mempunyai ikatan pertalian darah atau ikatan perkahwinan yang institusi yang bermula dengan pasangan suami isteri dan berkembang meliputi anak-anak lelaki dan perempuan, ibu bapa dan datuk nenek serta adik, abang dan kakak serta saudara mara yang dekat. Hubungan kekeluargaan yang

dimaksudkan di dalam kajian ini adalah merangkumi hubungan dari aspek akhlak sahaja dalam institusi keluarga Saudara Kita itu sendiri. Hubungan kekeluargaan ini penting bagi memastikan Saudara Kita dapat menghadapi kehidupan yang lebih bahagia serta dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam dengan lebih sempurna walaupun berada dalam kelompok ahli keluarga yang sama-sama telah memeluk Islam atau yang bukan Islam.

### DEFINISI AKHLAK

Akhlak ialah kata nama yang bersifat jama' atau plural yang berasal dari khuluq (خلق). Khuluq bermaksud karakter atau peribadi semula jadi. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ketiga akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tingkah laku. Dari segi bahasa akhlak ialah kata jama' daripada al-Khuluq (Noresan Baharom 2002:521). Dalam kamus Junior English Dictionary ada menyebutkan tentang akhlak sebagai "having to do with character or behavior, especially right behavior". Maksudnya, melakukan sesuatu dengan fikiran atau budi pekerti, lebih-lebih lagi budi pekerti yang baik atau disebut dengan high moral standard, iaitu kemuncak ketinggian akhlak. Menurut Kamus Lisan Al-Arab akhlak bermakna tabiat atau watak (Ibnu Manzur 1997:304). Firman Allah s.w.t:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Dan Bahawa Sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak Yang amat mulia.  
(Surah al-Qalam 68:4)

Dari keterangan di atas, kalimah (خلق) merujuk kepada maksud perangai, tingkah laku atau maruah seseorang. Manakala kalimah (خلق) pula merujuk kepada maksud adat atau kebiasaan. Firman Allah s.w.t:

إِنَّ هَدَايَ إِلَّا خُلُقُ الْأَوَّلِينَ ﴿٢٦﴾

Maksudnya:

"Segala apa (yang Engkau katakan) ini, hanyalah adat kebiasaan orang-orang dahulu-kala". (Surah As-Syu'araa' 26:137)

Dengan ini jelas akhlak dari sudut bahasa ialah satu kelakuan yang baik yang menggambarkan seseorang itu beragama yang lahir dari watak dan tingkah laku yang baik. Semua ini sudah tentu hasil dari persepakatan di antara melakukan kebaikan dan menjauhi dari keburukan (Asming Yalawae & Ahmad Farid bin Ibrahim 2007:72).

Dari segi istilah pada umumnya, akhlak didefinisikan sebagai kekuatan dalaman atau jiwa yang melahirkan amalan-amalan yang zahir. Akhlak dari segi istilah ialah satu ibarat dari kelakuan diri yang tetap dan terkeluar daripadanya beberapa perbuatan dengan mudah serta senang tanpa memerlukan kepada pemikiran dan riwayat. Jika kelakuan itu terkeluar daripada perbuatan yang elok dari segi syarak dan logik akal dengan mudah, maka dinamakan kelakuan itu akhlak yang baik. Jika kelakuan itu terkeluar daripadanya perbuatan yang keji, maka dinamakan kelakuan itu akhlak yang buruk (Al-Jurjani 2002:105).

Al-Ghazali ada menegaskan mengenai akhlak iaitu satu sifat yang tertanam dan sehati dalam jiwa seseorang, menghasilkan segala perbuatan dengan mudah (spontan) tanpa memerlukan pertimbangan fikiran (teragak-agak). Sekiranya akhlak itu baik menurut pertimbangan al-Qur'an dan al-Sunnah, maka baiklah ia. Sekiranya buruk mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah, maka buruklah ia (al-Ghazali t.th:56). Menurut Ibnu Maskawih dan Imam al-Ghazali, akhlak merujuk kepada satu situasi yang berada dalam diri iaitu nafs atau soul dan dia menjdai punca kepada segala perbuatan yang dilakukan oleh individu tersebut. Akhlak bukan sesuatu yang dilakukan oleh seseorang, tetapi dimensi dalaman yang menyebabkan perbuatan itu terjadi. Jika perbuatan yang terhasil dari individu itu baik dan menepati syariah, maka individu itu dikatakan sebagai mempunyai akhlak yang baik. Begitulah sebaliknya yang akan berlaku. Manakala perbuatan yang buruk akan menunjukkan akhlak yang buruk ( Mohd Nasir Omar 2005:140).

Dengan ini jelas akhlak ialah kelakuan yang lahir melalui perbuatan seseorang dengan mudah dan senang tanpa memerlukan kepada fikiran. Maka kelakuan tersebut terbahagi kepada dua iaitu kelakuan baik dan buruk. Kelakuan baik merupakan akhlak yang baik, yang juga merupakan sifat utama para nabi, rasul, siddiqin, para syuhada' dan salihin. Akhlak yang baik itu ditegakkan di atas dasar buat perkara yang baik dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah s.w.t. (Asming Yalawae & Ahmad Farid bin Ibrahim 2007:72).

## TRANSFORMASI AKHLAK SAUDARA KITA

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. dibangkitkan oleh Allah S.W.T. kepada umat ini selain daripada untuk menyeru umat kepada mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. semata-mata. Baginda juga diutuskan untuk memperbaiki akhlak umat ini. Dengan ini akhlak merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia, bahkan kemuliaan dan penghormatan satu-satu bangsa atau umat adalah kerana akhlaknya. Dari segi nilai, akhlak bersumberkan wahyu yang bersifat abadi dan model ikutannya ialah Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Maksudnya:

*“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan Yang baik”.*

(Surah al-Ahzab 33:21)

Penghormatan terhadap sistem akhlak tersebut kerana ia adalah sebahagian keperluan dalam kehidupan Muslim. Sistem akhlak itu akan memberikan kesan yang mendalam dalam pembentukan kehidupan seseorang sama ada dari segi positif dan negatif. Hasil dalam penghayatan yang baik akan menghasilkan kesan-kesan yang positif seperti gembira, lega, lapang dada dan sebagainya. Tetapi jika kemurnian akhlak itu gagal dihayati akan melahirkan pula kesan-kesan negatif seperti dukacita, rasa terhina, resah, gelisah dan sebagainya. Wujudnya situasi tersebut kerana akhlak berperanan untuk mengawasi gerak laku seseorang. Dari segi prinsipnya, akhlak bersifat sejagat dan tetap (Modul Bimbingan Saudara Kita Akhlak Tahap 4. 2011:29).

Menghormati kedua ibu-bapa serta beradab terhadap mereka berdua merupakan titik tolak kemuliaan akhlak bagi seseorang. Ini kerana merekalah yang sanggup bersusah payah semenjak dalam kandungan sehinggalah pada saat kelahirannya. Allah S.W.T. mewajibkan ke atas kita menggauli kedua ibu bapa dengan suatu pergaulan yang khusus serta berbeza dengan pergaulan kita terhadap orang lain. Seorang anak sama ada lelaki atau perempuan hendaklah bercakap dengan kedua ibu-bapa mereka dengan lemah-lembut, beradab sopan serta berkasih sayang (Asming Yalawae & Ahmad Farid bin Ibrahim 2007:74). Begitu juga hendaklah menjauhi daripada perkataan yang buruk serta tidak baik yang mana boleh

membuatkan kedua ibu-bapa itu tidak senang serta tidak selari dengan hati, serta hendaklah anak-anak itu berusaha melakukan perkara yang boleh menggembarakan hati mereka berdua itu. Jika ibu-bapa berdua itu sangat memerlukan kepada nasihat agama, maka menasihatilah mereka dengan lemah-lembut serta beradab (Abdah Ghalib Ahmad `Isa 1987:81-82).

Dalam konteks lain, akhlak juga turut mengambil kira terhadap penuaian hak dan tanggungjawab seseorang sama ada terhadap dirinya, keluarganya, masyarakatnya, negaranya dan alam sekitarnya seperti menyempurnakan hak dan tanggungjawab sebagai suami, isteri, ibu, bapa, anak tanggungjawab sebagai jiran tetangga, seagama di samping memelihara hubungan yang baik terhadap orang-orang yang berlainan agama. Apabila kita membicarakan tentang ruang lingkup akhlak Islamiah ia sebenarnya merangkumi seluruh amalan hidup beragama. Bermula dengan taat dan patuh dalam menunaikan suruhan Allah s.w.t seperti solat, zakat, puasa, sedekah, haji, umrah. Tolong-menolong, amanah dan lain-lain. Apabila suruhan-suruhan tersebut dapat dilaksanakan maka ia dikira sebagai orang yang berakhlak kerana terdapat di dalamnya nilai ketaatan dan kepatuhan kepada Allah s.w.t. (Modul Bimbingan Saudara Kita Akhlak Tahap 4. 2011:29).

Akhlak juga menyentuh dalam menjauhi dan meninggalkan larangan-larangan Allah s.w.t. seperti berjudi, mengumpat, berzina, minum minuman yang memabukkan, melakukan maksiat, derhaka kepada ibu bapa, bercakap bohong dan lain-lain. Orang yang dapat membina kekuatan disiplin diri untuk menjauhi larangan-larangan Allah dan akhlak mereka dianggap sebagai orang yang berakhlak. (Modul Bimbingan Saudara Kita Akhlak Tahap 4 2011:29). Akhlak juga turut meliputi semua aspek yang berkaitan dengan perlakuan dan pembentukan sifat-sifat seseorang sama ada dari sudut percakapan, perbuatan, kegiatan, perancangan pemikiran dan perasaan. Contohnya, memelihara lidah, menundukkan pandangan, bersifat lemah lembut, bersopan santun, rajin sabar dan menyeru kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran. (Modul Bimbingan Saudara Kita Akhlak Tahap 4. 2011:29). Dengan demikian dapatlah dirumuskan bahawa akhlak adalah penampilan diri seseorang dari segi budi pekerti, tatasusila atau sopan santun yang merangkumi pemikiran, perkataan atau perbuatan yang lahir dari pancaran hati yang beriman dan dijelmakan menerusi perangai atau kelakuan seseorang. Jika hatinya baik, maka akhlaknya pun baik tetapi jika hatinya sakit atau kotor maka akhlak yang terpancar keluar turut sakit dan kotor.

Akhlak ini merangkumi aspek yang besar, justeru dalam konteks kajian ini, transformasi hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak ini adalah

merujuk kepada transformasi akhlak yang berlaku terhadap Saudara Kita atau ahli keluarga Saudara Kita itu sendiri. Antaranya akhlak dari sudut hubungan kekeluargaan itu sendiri, sudut perbuatan seperti mencium tang ibu bapa apabila bertemu, pemakaian, tempat tinggal, aktiviti keluarga, tanggungjawab dan pemakanan.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan. Kajian tinjauan adalah satu kajian yang dilakukan melalui penggunaan soal selidik atau temu bual ke atas sampel yang mewakili sesuatu populasi. Namun begitu, dalam kajian ini penyelidik hanya menggunakan soal selidik sahaja. Soal selidik yang dibina terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian (A) – Latar Belakang Responden, Bahagian (B) Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita dari sudut akhlak selepas memeluk Islam. Penyelidik telah turun ke lapangan kajian untuk mencari, mengumpul dan menganalisa data dari responden. Kajian tinjauan ini hanya tertumpu kepada:

- Saudara kita yang bekerja berada di sepuluh daerah di sekitar negeri Johor dan telah berdaftar di Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor
- 8068 saudara kita dari tahun 2004 hingga 2013 yang berdaftar di Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor
- Penyelidikan hanya tertumpu pada elemen hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak sahaja
- Kesesuaian ujian hanya bergantung kepada sampel dan analisis berdasarkan soal selidik.
- Sampel dan analisis hanya akan diukur dengan menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences).

Sampel yang di pilih bagi kajian ini adalah dengan menggunakan pemilihan sampel secara rawak berlapis (probability sampling). Sampel rawak berlapis digunakan dengan memilih Cohen (1988) sampel 95% level signifikan value dengan mengambil sampel daripada setiap daerah yang melibatkan seramai 455 orang saudara kita di sekitar negeri Johor yang telah berdaftar di Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor.

Kawasan kajian yang dipilih adalah di sekitar negeri Johor. Tujuan negeri ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana penyelidik mengenal pasti di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 berkaitan

memeluk Agama Islam di bahagian IX tidak menyatakan tempoh seseorang yang memeluk Islam itu secara berdaftar digelar sebagai saudara kita. Penyelidik mendapati di beberapa buah negeri seperti di Selangor telah menetapkan tempoh gelaran saudara kita itu selama beberapa tahun sahaja dan selepas dari tempoh yang ditetapkan mereka tidak digelar saudara kita lagi dan dianggap seperti orang Islam seperti biasa. Ini menunjukkan bahawa di Johor gelaran saudara kita itu diguna pakai oleh mereka yang memeluk Islam untuk selama-lamanya selagi mana mereka tidak kembali ke agama asal mereka. Selain itu juga, Jabatan Agama Islam Johor merupakan Jabatan yang berada di bawah pengurusan peringkat Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri bukan di peringkat Persekutuan. Justeru, Jabatan Agama Islam Johor mempunyai prosuder serta tatacara pengurusan serta pengendalian berkenaan saudara kita secara tersendiri tidak menggunakan prosuder di peringkat persekutuan. Berdasarkan statistik yang diperolehi dari Unit Ukhuwah juga mendapati jumlah saudara kita yang berdaftar dari tahun ke tahun semakin meningkat dari tahun 2004 hingga 2013.

Proses pengumpulan data untuk kajian ini dalam mendapatkan data premier adalah melibatkan soal selidik yang diedarkan kepada Saudara kita di sekitar negeri Johor dan telah berdaftar di Unit Ukhuwah Jabatan Agama Islam Johor berhubung dengan transformasi hubungan kekeluargaan Saudara Kita dari aspek akhlak selepas memeluk Islam. Manakala skala pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik ini adalah dengan menggunakan skala nominal dan skala ordinal. Skala Likert digunakan bagi mengukur data soal selidik.

Data dalam kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS for Window Version 17. Analisa data tersebut digunakan dengan menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, minimum, maksimum, min dan sisihan piawai terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga transformasi hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak terhadap item pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikemukakan dalam kajian. Selain itu juga, ujian kebolehpercayaan item juga di laksanakan bagi memastikan item-item yang dikemukakan mempunyai nilai realibiliti yang memuaskan.

## HASIL KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan seramai 455 orang Saudara Kita di negeri Johor. Berikut adalah maklumat penting tentang latar belakang sampel kajian.



### Latar belakang responden

Seramai 455 orang responden telah dipilih di kalangan Saudara Kita. Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan responden Saudara Kita terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 239 orang (52.2%). Manakala jumlah responden Saudara Kita lelaki adalah sebanyak 216 orang (47.5%). Ini menunjukkan majoriti responden Saudara Kita di dalam kajian ini adalah perempuan (Jadual 1).

Jadual 1 Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	216	47.5
Perempuan	239	52.5
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Bagi kategori status perkahwinan Saudara Kita, hasil kajian menunjukkan seramai 56 orang (12.3%) masih bujang, diikuti dengan 342 orang (75.4%) telah berkahwin dan duda/janda seramai 56 orang pada peratusan yang sama (12.3%) dengan bujang. Majoriti responden di dalam kajian ini adalah Saudara Kita yang telah berkahwin (Jadual 2).

Jadual 2 Status Perkahwinan

Status perkahwinan	Kekerapan	Peratus (%)
Bujang	56	12.3
Berkahwin	343	75.4
Duda/ Janda	56	12.3
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Seterusnya umur mengenai responden dikategorikan kepada empat peringkat iaitu 20 tahun ke bawah, 21-30 tahun, 31-40 tahun dan 41 tahun ke atas. Hasil kajian mengenai umur responden Saudara Kita mendapati majoriti responden adalah pada kategori umur 41 tahun dan ke atas iaitu seramai 209 orang (45.9%) diikuti dengan kategori umur 21-30 tahun seramai 114 orang (25.1%), diikuti dengan kategori umur 31-40 tahun seramai 113 orang (24.8%) dan kategori umur 20 tahun dan ke bawah seramai 19 orang (4.2%) (Jadual 3).

Jadual 3 Umur

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
20 tahun ke bawah	19	4.2
21-30 tahun	114	25.1
31-40 tahun	113	24.8
41 tahun ke atas	209	45.9
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Bagi kategori Bangsa pula, hasil kajian menunjukkan responden berbangsa India menyumbang kepada jumlah tertinggi iaitu seramai 139 orang (30.5%) diikuti dengan responden berbangsa Cina seramai 132 orang (29%), diikuti dengan responden Bumiputera Sabah/ Sarawak seramai 118 orang (25.9%), diikuti responden bukan warganegara seramai 44 orang (9.7%) dan diikuti dengan responden Orang Asli seramai 22 orang (4.8%).

Jadual 4 Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)
Cina	132	29.0
India	139	30.5
Orang Asli	22	4.8
Bukan Warganegara	44	9.7
Bumiputera Sabah/Sarawak	118	25.9
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Bagi kategori daerah menetap, hasil kajian mendapati majoriti responden Saudara Kita menetap di Johor Bahru dengan jumlah tertinggi iaitu seramai 81 orang (17.8%), diikuti dengan daerah Batu Pahat seramai 58 orang (12.7%), diikuti dengan daerah Kota Tinggi seramai 52 orang (11.4%). Manakala daerah Muar seramai 49 orang (10.8%), diikuti daerah Kluang seramai 47 orang (10.3%), daerah Kulaijaya seramai 43 orang (9.5%), daerah Ledang dan Pontian dengan masing-masing seramai 36 orang 7.9%, daerah Mersing 33 orang (7.3%) dan yang terakhir daerah Segamat seramai 20 orang (4.4%) (Jadual 5).

Jadual 5 Daerah Menetap

Daerah menetap	Kekerapan	Peratus (%)
Johor Baru	81	17.8
Batu Pahat	58	12.7
Muar	49	10.8
Kulaijaya	43	9.5
Mersing	33	7.3
Segamat	20	4.4
Kota Tinggi	52	11.4
Ledang	36	7.9
Kluang	47	10.3
Pontian	36	7.9
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Di dalam jadual 6, bagi kategori tahap pendidikan hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden mempunyai pendidikan peringkat sekolah menengah iaitu seramai 276 orang (60.7%), diikuti peringkat kolej/universiti seramai 90 orang (19.8%) dan sekolah rendah seramai 80 orang (17.6%). Hanya 9 orang responden (2.0%) responden dilaporkan tidak pernah mendapat pendidikan di sekolah.

Jadual 6 Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan	Kekerapan	Peratus (%)
Tidak Pernah Sekolah	9	2.0
Sekolah Rendah	80	17.6
Sekolah Menengah	276	60.7
Kolej/Universiti	90	19.8
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Dari segi pekerjaan, hasil kajian yang diperohi menunjukkan bahawa majoriti responden Saudara Kita bekerja di sektor swasta iaitu seramai 307 orang (67.5%) diikuti dengan responden yang bekerja sendiri seramai 126 orang (27.7%) dan responden yang bekerja di sektor kerajaan seramai 22 orang (4.8%) (Jadual 7).

Jadual 7 Pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Bekerja Sendiri	126	27.7
Kerajaan	22	4.8
Swasta	307	67.5
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

Seterusnya, bagi kategori gaji bulanan hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti responden yang mempunyai gaji bulanan RM2000 ke bawah seramai 288 orang (63.3%) diikuti dengan responden yang memperolehi gaji bulanan RM2000 hingga RM2999 seramai 88 orang (19.3%), diikuti dengan responden yang menerima gaji bulanan RM3000 hingga RM3999 seramai 48 orang (10.5%), diikuti dengan responden yang menerima gaji RM5000 ke atas seramai 20 orang (4.4%) dan responden yang menerima gaji RM4000 hingga RM4999 seramai 11 orang (2.4%) (Jadual 8).

Jadual 8 Gaji Bulanan

Gaji bulanan	Kekerapan	Peratus (%)
RM2000 ke bawah	288	63.3
RM2000 hingga	88	19.3
RM2999		
RM3000 hingga	48	10.5
RM3999		
RM4000 hingga	11	2.4
RM4999		
RM5000 ke atas	20	4.4
Jumlah	455	100

Sumber: Soal Selidik 2015

### Hasil Keputusan Kebolehpercayaan Item

Pentafsiran pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima mengikut pengamal penyelidikan dalam sains sosial ialah lebih daripada  $\alpha = .60$ . Dengan mengugurkan butiran yang merendahkan pekali tersebut (dalam kontrak dan indikator item), penyelidik boleh meningkatkan nilai realibiliti terhadap alat ukur. Fraenkel dan Wallen (1996:163) meletakkan nilai realibiliti item yang diterima pada tahap  $\alpha = 0.70 - 0.9930$ . Mengikut Mohd.

Majid Konting (1993 :182) tahap  $\alpha = 0.71 - 0.99$  adalah tahap yang terbaik (71% - 99% kebolehpercayaan item oleh sampel).

Berdasarkan jadual 9 kepada hasil kajian yang diperolehi mendapati nilai kebolehpercayaan bagi item “hubungan saya bersama ahli keluarga semakin renggang selepas memeluk Islam” ialah 0.91437, diikuti dengan item “Saya mencium tangan ibu dan ayah apabila bersalaman dengan mereka” nilai yang diperolehi adalah 0.99255. Seterusnya bagi item “Saya selesa memakai pakaian berlandaskan syariat Islam di hadapan keluarga yang bukan Islam” nilai kebolehpercayaannya ialah 0.77179, diikuti dengan item “Saya lebih selesa tinggal di rumah sendiri daripada tinggal bersama ahli keluarga selepas memeluk Islam” nilainya adalah 0.95136 dan item “Saya tidak menyertai aktiviti-aktiviti keluarga yang bercanggah dengan ajaran Islam” nilainya adalah 0.91924.

Manakala bagi nilai kebolehpercayaan bagi item “Saya sering bertanya khabar kepada ahli keluarga/saudara yang bukan Islam” ialah 0.96793, diikuti dengan nilai bagi item “Saya masih melaksanakan tanggungjawab sebagai anak kepada ibu bapa selepas memeluk Islam” adalah 0.91058 dan nilai bagi item “Saya lebih gemar mendiamkan diri dari banyak bercakap dengan ahli keluarga selepas memeluk Islam” adalah 0.90920. seterusnya bagi item “Saya sering makan bersama ahli keluarga bukan Islam walaupun telah memeluk Islam” nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.95650 serta nilai bagi item “Saya sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan apabila makan bersama keluarga bukan Islam” adalah 0.86370 (Jadual 9).

Jadual 9 Keputusan kebolehpercayaan item

Item pemboleh ubah	Nilai alpha ( $\alpha$ )
Hubungan saya bersama ahli keluarga semakin renggang selepas memeluk Islam	0.91437
Saya mencium tangan ibu dan ayah apabila bersalaman dengan mereka	0.99255
Saya selesa memakai pakaian berlandaskan syariat Islam di hadapan keluarga yang bukan Islam	0.77179
Saya lebih selesa tinggal di rumah sendiri daripada tinggal bersama ahli keluarga selepas memeluk Islam	0.95136
Saya tidak menyertai aktiviti-aktiviti keluarga yang bercanggah dengan ajaran Islam	0.91924

Saya sering bertanya khabar kepada ahli keluarga/saudara yang bukan Islam	0.96793
Saya masih melaksanakan tanggungjawab sebagai anak kepada ibu bapa selepas memeluk Islam	0.91058
Saya lebih gemar mendiamkan diri dari banyak bercakap dengan ahli keluarga selepas memeluk Islam	0.90920
Saya sering makan bersama ahli keluarga bukan Islam walaupun telah memeluk Islam	0.95650
Saya sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan apabila makan bersama keluarga bukan Islam	0.86370

Sumber: Soal Selidik 2015

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa responden dapat memahami soal selidik tersebut dan menjawab dengan mudah. Realibiliti item yang dikemukakan di dalam soal selidik menepati  $\alpha + .70 >$  iaitu 0.822 bagi transformasi hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak. Hasil keputusan kebolehppercayaan item seperti di jadual 10.

Jadual 10 Keputusan Keseluruhan Ujian Kebolehppercayaan

Konstruk	Nilai Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	Bilangan item	Penerangan
Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)	0.822	0.825	10	Baik

Sumber : Soal Selidik 2015

### **Analisis Deskriptif Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam di Johor**

Jadual 11 hingga jadual 20 menunjukkan kekerapan transformasi hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak mengikut lima pilihan jawapan; sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Transformasi akhlak ini terdiri daripada sudut hubungan kekeluargaan itu sendiri, sudut perbuatan seperti mencium tangan ibu bapa apabila bertemu, pemakaian, tempat tinggal, aktiviti keluarga, tanggungjawab dan pemakanan.

Jadual 11 menunjukkan taburan jawapan responden bagi item “Hubungan saya bersama ahli keluarga semakin renggang selepas memeluk Islam”. Majoriti reponden menjawab setuju 107 orang (23.5%) dan sangat setuju 107 orang (23.5%) diikuti dengan tidak pasti 20 orang (4.4%), tidak setuju 116 orang (25.5%) dan sangat tidak setuju 62 orang (13.6%).

Jadual 11 Hubungan saya bersama ahli keluarga semakin renggang selepas memeluk Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	107	23.5
Setuju	150	33.0
Tidak Pasti	20	4.4
Tidak Setuju	116	25.5
Sangat Tidak Setuju	62	13.6
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 12 menunjukkan taburan responden bagi jawapan item “Saya mencium tangan ibu dan ayah apabila bersalaman dengan mereka”. Majoriti responden menjawab setuju 205 orang (45.1%) dan 137 menjawab sangat setuju,, 27 orang (5.9%) tidak pasti, 77 orang (16.9%) menjawab tidak setuju dan 9 orang (2.0%) sangat tidak setuju.

Jadual 12 Saya mencium tangan ibu dan ayah apabila bersalamandengan mereka

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	137	30.1
Setuju	205	45.1
Tidak Pasti	27	5.9
Tidak Setuju	77	16.9
Sangat Tidak Setuju	9	2.0
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 13 menunjukkan taburan jawapan responden bagi item “Saya selesa memakai pakaian berlandaskan syariat Islam di hadapankeluarga yang bukan Islam”. Majoriti responden menjawab Setuju 228 orang (50.1%) dan 191 orang (42.0%) menjawab sangat setuju diikuti 11 orang (2.4%)

menjawab tidak pasti, 24 orang (5.3%) menjawab tidak setuju dan 1 orang (0.2%) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 13 Saya selesa memakai pakaian berlandaskan syariat Islam di hadapan keluarga yang bukan Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	191	42.0
Setuju	228	50.1
Tidak Pasti	11	2.4
Tidak Setuju	24	5.3
Sangat Tidak Setuju	1	0.2
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 14 menunjukkan taburan jawapan responden bagi item “Saya lebih selesa tinggal di rumah sendiri daripada tinggal bersama ahli keluarga selepas memeluk Islam”. Majoriti responden seramai 206 orang (45.3%) menjawab setuju dan 146 orang (32.1%) menjawab sangat setuju, diikuti 81 orang (17.8%) tidak setuju dan 15 orang (3.3%) menjawab sangat tidak setuju dan 7 orang (1.5%) menjawab tidak pasti.

Jadual 14 Saya lebih selesa tinggal di rumah sendiri daripada tinggal Bersama ahli keluarga selepas memeluk Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	146	32.1
Setuju	206	45.3
Tidak Pasti	7	1.5
Tidak Setuju	81	17.8
Sangat Tidak Setuju	15	3.3
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 15 menunjukkan jawapan responden bagi item “Saya tidak menyertai aktiviti-aktiviti keluarga yang bercanggah dengan ajaran Islam”. Majoriti responden seramai 177 orang (38.9%) menjawab setuju dan 129 orang (28.4%) menjawab sangat setuju, diikuti dengan 45 orang (9.9%) menjawab tidak pasti, 77 orang (16.9%) menjawab tidak setuju dan 27 orang (5.9%) menjawab sangat tidak setuju.



Jadual 15 Saya tidak menyertai aktiviti-aktiviti keluarga yang bercanggah dengan ajaran Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	129	28.4
Setuju	177	38.9
Tidak Pasti	45	9.9
Tidak Setuju	77	16.9
Sangat Tidak Setuju	27	5.9
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 16 menunjukkan hasil keputusan yang diperolehi bagi item “Saya sering bertanya khabar kepada ahli keluarga/saudara yang bukan Islam”. Majoriti responden seramai 211 orang (46.4%) menjawab setuju dan 160 orang (35.2%) menjawab sangat setuju, diikuti dengan 70 orang (15.4%) menjawab tidak setuju, 8 orang (1.8%) menjawab sangat tidak setuju dan 6 orang (1.3%) menjawab tidak pasti.

Jadual 16 Saya sering bertanya khabar kepada ahli keluarga/saudara yang bukan Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	160	35.2
Setuju	211	46.4
Tidak Pasti	6	1.3
Tidak Setuju	70	15.4
Sangat Tidak Setuju	8	1.8
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 17 menunjukkan jawapan responden bagi item “Saya masih melaksanakan tanggungjawab sebagai anak kepada ibu bapa selepas memeluk Islam”. Majoriti responden seramai 189 orang (41.5%) menjawab sangat setuju dan 180 orang (39.6%) menjawab setuju, diikuti dengan 22 orang (4.8%) menjawab tidak pasti dan 64 orang (14.1%) menjawab tidak setuju.

Jadual 17 Saya masih melaksanakan tanggungjawab sebagai anak kepada ibu bapa selepas memeluk Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	189	41.5
Setuju	180	39.6
Tidak Pasti	22	4.8
Tidak Setuju	64	14.1
Sangat Tidak Setuju	-	-
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 18 menunjukkan taburan jawapan responden bagi item “Saya lebih gemar mendiamkan diri dari banyak bercakap dengan ahli keluarga selepas memeluk Islam”. Majoriti responden seramai 154 orang (33.8%) menjawab tidak setuju dan 124 orang (27.3%) menjawab setuju diikuti dengan 89 orang (19.6%) menjawab sangat setuju, diikuti dengan 21 orang (4.6%) menjawab tidak pasti dan 67 orang (14.7%) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 18 Saya lebih gemar mendiamkan diri dari banyak bercakap dengan ahli keluarga selepas memeluk Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	89	19.6
Setuju	124	27.3
Tidak Pasti	21	4.6
Tidak Setuju	154	33.8
Sangat Tidak Setuju	67	14.7
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 19 menunjukkan jawapan responden bagi item “Saya sering makan bersama ahli keluarga bukan Islam walaupun telah memeluk Islam”. Majoriti responden seramai 194 orang (42.6%) menjawab setuju dan 163 orang (35.8%) menjawab sangat setuju, diikuti dengan 32 orang (7.0%) menjawab tidak pasti, 55 orang (12.1%) menjawab tidak setuju dan 11 orang (2.4%) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 19 Saya sering makan bersama ahli keluarga bukan Islam walaupun telah memeluk Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	163	35.8
Setuju	194	42.6
Tidak Pasti	32	7.0
Tidak Setuju	55	12.1
Sangat Tidak Setuju	11	2.4
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Jadual 20 menunjukkan jawapan responden bagi item “Saya sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan apabila makan bersama keluarga bukan Islam”. Majoriti responden seramai 185 orang (51.4%) menjawab setuju dan 155 orang (43.1%) menjawab sangat setuju, diikuti dengan seorang (1.0%) menjawab tidak pasti, 9 orang (2.5%) menjawab tidak setuju dan 10 orang (2.8%) menjawab sangat tidak setuju.

Jadual 20 Saya sentiasa berhati-hati dalam memilih makanan apabila makan bersama keluarga bukan Islam

Jawapan	Kekerapan	Peratus%
Sangat Setuju	155	43.1
Setuju	185	51.4
Tidak Pasti	1	1.0
Tidak Setuju	9	2.5
Sangat Tidak Setuju	10	2.8
Jumlah	455	100%

Sumber: Soal Selidik 2015

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan majoriti responden memilih jawapan Setuju bagi setiap item yang ditanya, dimana peratusannya adalah melebihi 45% bagi setiap item kekerapan transformasi hubungan kekeluargaan Saudara Kita dari sudut akhlak mengikut lima pilihan jawapan; sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

### **Skor Minimum, Maksimum, Min Dan Sisihan Piawai Hubungan Kekeluargaan Sudut Akhlak**

Secara keseluruhannya skor minimum bagi transformasi hubungan kekeluargaan dari segi aspek akhlak adalah 5.01 manakala skor maksimum adalah 37.70. Min skor yang diperolehi adalah 22.71 dengan sisihan piawai 7.01. Ini menunjukkan bahawa bagi 10 item di yang diutarakan kepada responden, rata-rata memilih jawapan setuju bagi setiap item (Jadual 21).

Jadual 21 Skor minimum, maksimum, min dan sisihan piawai

Konstruk	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Hubungan Kekeluargaan (Akhlak)	5.01	37.70	22.71	7.01

Sumber: Soal Selidik 2015

## KESIMPULAN

Kajian ini dapat dirumuskan bahawa majoriti responden yang terdiri dari kalangan Saudara Kita di Johor memahami konsep transformasi hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak selepas mereka memeluk Islam. Ini menunjukkan transformasi akhlak berlaku terhadap Saudara Kita dan keluarga mereka selepas memeluk Islam ke arah yang lebih baik dan terpuji. Transformasi akhlak dalam hubungan kekeluargaan menunjukkan tanda-tanda positif. Secara tidak langsung kajian yang dilaksanakan ini dapat meyakinkan Saudara Kita perubahan yang positif dalam hubungan kekeluargaan dari sudut akhlak selepas memeluk Islam begitu juga dengan ahli keluarga. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian yang ditunjukkan di atas berserta huraian yang ringkas. Selain itu juga, dengan adanya hasil kajian yang diperolehi dapat membantu Saudara Kita membuat persediaan dalam menghadapi transformasi yang akan berlaku sama ada perubahan kecil atau besar dalam hubungan kekeluargaan terutamanya transformasi dari sudut akhlak. Keluarga merupakan kumpulan atau golongan yang paling terdekat dengan Saudara Kita, hubungan kekeluargaan ini penting bagi memastikan Saudara Kita dapat menghadapi kehidupan yang lebih bahagia serta dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang Islam dengan lebih sempurna walaupun berada dalam kelompok ahli keluarga

yang sama-sama telah memeluk Islam atau yang bukan Islam. Akhlak itu juga sebenarnya menjadi pusat kepada penentuan matlamat hidup manusia sebagai seorang yang beragama Islam di mana seluruh kegiatan kehidupan manusia akan berkisar di sekitarnya. Jika baik akhlaknya, maka baiklah persekitaran yang ada di sekelilingnya. Pembentukan hala tuju dan haluan Saudara Kita dipengaruhi oleh akhlak yang dimiliki oleh mereka itu sendiri. Maka nilai akhlak itu akan dapat dinikmati jika meletakkan nilai Islam sebagai asas dalam membentuk kehidupan mereka.

### RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

`Abdah Ghalib Ahmad `Isa (1987), *Adab al-Mu`amalah Fi al-Islam*, Beirut: Dar. al-Jayl, h. 81-82

Abdullah Basmeih. 1993. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Abdul Ghafar Haji Don, Anuar Puteh & Ahmad Redzuwan Yunus. 2009. *Islam dan Saudara Kita*. Shah Alam: BPI, MAIS

Al-Jurjani (2002), *al-Ta`rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 105.

Amran Kasimin. 1985. *Saudara baru Cina di Wilayah dan Selangor*. Monograf 11. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim. 2007. *Akhlak Warisan Rasulullah S.A.W Membawa Kemuliaan Umat*. Bil. 26. *Jurnal Usuluddin*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm.71-83.

Aminuddin Ruskam al-Dawamy. 2002. *Agama, Budaya, Pendidikan, Ekonomi, Sejarah dan Seni*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing ke-2. Hlm. 14-28. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anuar Puteh. 2008. *Bimbingan Al-Quran Saudara Baru Cina di Lembah Klang*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Anuar Puteh. 2002. Saudara Baru Cina di Malaysia: Kepentingannya dalam konteks dakwah. Dlm. *Dakwah Kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Sulaiman Ibrahim, Othman Talib & Anuar Puteh. Hlm. 133. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Zurihanmi Zakariya. 2005. *Psikologi Kognitif*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Cohen, J. 1988. *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [En. 16/2003]. Johor: Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah Jabatan Agama Johor.
- Fontana, A. (1981). *Social Problems*. New York : Holt Rinehart Winston.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. Amerika Syarikat: Mc. Fraw-Hill Inc.
- Freud, S.F. (1953). *Circle of Friends: The Role of Gender and Networks in Delinquent Group Dynamic*. Paper Presented at Annual Meeting of The American Society ofCriminology, Chicago, IL.
- Goleman, D. 1995. *Emotional Intelligence: Why it Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Book.
- Gpeda, B.J. (1988). *A General Theory of Crime*. Stanford CA: Stanford University Press.
- Ibn Manzur (1997), *Lisan al-`Arab*, jil. 2, Beirut: Dar-Sadir.h.304
- Junior English Dictionary (t.t.), Selangor: Percetakan Strikeway, h. 378.
- Lufi Sharifuddin. 19 September 2007. *Tranformasi Diri*. <http://luthfikir.blogspot.my/2007/09/tranformasi-diri.html>
- Mahmood Nazar Mohamed 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Marlon P. Guleng. 2014. Penyesuaian Diri MUallaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP). Tesis Sarjana Jabatan Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mazlina Ismail. 18 Ogos 2015. Selasa. Berita Harian. Transformasi Diri Ke Arah Kehidupan Lebih Baik.
- Mohd. Majid Konting. 1990. Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Nasir Omar. 2005. Akhlak dan Kaunseling Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Noresah Binti Baharom. 2002. Kamus Dewan. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Aur A'thiroh Masyaa'il Tan <http://athirohtan.blogspot.com/2007/11/cabaran-psikologi-masyarakat-muslim.html>
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2006. Kisah Saya: Saudara baru. PTS Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2011. Perubahan emosi dan tingkah laku Saudara Kita selepas memeluk Islam. Dlm. Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. Hlm. 69-86. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Statistik Saudara Kita Unit Ukhuwah, Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Johor. 2014